

MAHATHIR

1982

PARIT BUNTAR, 11 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI JAMINAN HARI INI BAHAWA KERAJAAN PIMPINANNYA AKAN TERUS MEMBERI KEUTAMAAN YANG SAMA TERHADAP ASPEK ROHANIAH DAN JASMANIAH DALAM USAHA-USAHA PEMBANGUNAN NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TIDAK PERNAH MENGABAIKAN SOAL KEROHANIAN DALAM USAHANYA MENGGALAKKAN RAKYAT MENCAPAI KEMAJUAN MATERIALISMA.

BERUCAP MERASMIKAN SEBUAH KILANG PERABUT USAHASAMA PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK DENGAN SEBUAH SYARIKAT AUSTRALIA DI KAWASAN PERINDUSTRIAN PARIT BUNTAR DI SINI, BELIAU MENKRITIK SETENGAH GOLONGAN YANG MENIDAK-NIDAKAN USAHA KERAJAAN SEDANG MEREKA SENDIRI TIDAK PERNAH BERBUAT APA-APA UNTUK RAKYAT.

"ORANG-ORANG INI MEMPUNYAI TUJUAN TERTENTU YANG MEREKA SENDIRI SAHAJA TAHU."

"MALANGNYA DALAM USAHA MEMENUHI HASRAT TAMAK MEREKA ITU, MEREKA SANGGUP MENIPU RAKYAT DENGAN MELEMPARKAN BERBAGAI-BAGAI TUDUHAN TERHADAP KERAJAAN," TEGAS BELIAU. -- BERSAMBUNG 1610/LK

B589:

MAHATHIR 2 PARIT BUNTAR

PERDANA MENTERI LALU MENINGATKAN RAKYAT SUPAYA JANGAN MUDAH TERPENGARUH DENGAN TOHMAH GOLONGAN TERSEBUT YANG MENIDAKKAN-NIDAKKAN USAHA KERAJAAN SELAMA INI.

"JANGAN NANTI KITA BERTINDAK SECARA TIDAK BIJAK DAN MELUPAKAN KERAJAAN YANG TELAH KITA DUKUNG SELAMA INI KERANA PERBUATAN DEMIKIAN SAMALAH SEPERTI MENYEMBELIH ANGSA YANG BERTELUR EMAS," KATANYA.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN YANG ADA SEKARANG TIDAK PERNAH SUNYI DARI BERUSAHA, BERFIKIR DAN Mencari JALAN UNTUK MENOLONG RAKYAT TERUTAMA MEREKA YANG MISKIN.

KATANYA, TIDAK ADA KERAJAAN LAIN DI DUNIA YANG SANGGUP MENGHABISKAN BEGITU BANYAK MASA DAN TENAGA SEMATA-MATA UNTUK Mencari JALAN MEMPERBAIKI TARAF HIDUP RAKYAT.

MENGENAI PERINDUSTRIAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA LEBIH BANYAK KILANG AKAN DIDIRIKAN DI KAWASAN-KAWASAN PERINDUSTRIAN DI SELURUH NEGARA UNTUK MENGELUARKAN BARANG-BARANG EKSPORT.

INI BERTUJUAN BUKAN SAHAJA MENJIMAT PERTUKARAN WANG ASING TETAPI JUGA UNTUK MEMBUKA LEBIH BANYAK PELUANG PEKERJAAN KEPADA PARA BELIA DI SAMPING MENDAPATKAN TEKNOLOGI ASING.

BELIAU MENJELASKAN HASIL YANG DIPEROLEHI OLEH NEGARA MELALUI PERUSAHAAN BIJIH TIMAH, GETAH DAN MINYAK PERLU JUGA DILABURKAN DALAM PERUSAHAAN-PERUSAHAAN LAIN SUPAYA NEGARA TIDAK BERADA DALAM KESUSAHAN APABILA SUMBER TERSEBUT KEHABISAN NANTI.

KATANYA SUMBER MINYAK NEGARA YANG ADA SEKARANG DIJANGKA AKAN HABIS DALAM TEMPOH 20 TAHUN LAGI. -- BERSAMBUNG 1614 K

B590:

MAHATHIR 3 PARIT BUNTAR

"JADI KITA TERPAKSA MELABURKAN HASIL YANG KITA PEROLEHI DARI MINYAK ITU UNTUK MASA DEPAN KITA," KATANYA.

TERDAHULU DARI ITU, MENTERI BESAR PERAK DATUK SERI WAN MOHAMMAD HAJI WAN TEH BERKATA KERAJAAN NEGERI BERSEEDIA MELULUSKAN LEBIH BANYAK PERMOHONAN UNTUK MENDIRIKAN KILANG-KILANG DI LUAR BANDAR DI SAMPING MEMBERI BERBAGAI GALAKAN.

PERBADANAN TERSEBUT SAHAJA TELAH MEMPUYAI BEBERAPA BUAH ANAK SYARIKAT DENGAN MODAL BERJUMLAH KIRA-KIRA \$8.6 JUTA.

BELIAU MENGUMUMKAN BAHAWA KERAJAAN NEGERI AKAN MENUBUHKAN SEBUAH JAWATANKUASA BERTINDAK TEKNIKAL BAGI MENYELARASKAN PEMBANGUNAN FISIKAL SEBAGAI AGENSI PUSAT KEPADA PARA PENGUSAHA YANG INGIN MENUBUHKAN KILANG MEREKA DI NEGERI INI.

KILANG PERABUT ITU, ELITE-WOOD PRODUCT (M) SDN BHD, MEMPUYAI MODAL YANG DIBENARKAN BERJUMLAH \$2 JUTA DAN MENAMPUNG KIRA-KIRA 60 ORANG PEKERJA. -- BERNAMA 1618/LK